

## GOTONG ROYONG SPU

Gotong Royong SPU diadakan pada hari Sabtu 30 Januari 2010. Objektif program ini adalah sebagai satu langkah permulaan bagi pelaksanaan aktiviti pembersihan di Sekolah Perubatan. Bersempena dengan tahun baru, maka suasana dan persekitaran 'baru' amat diperlukan untuk meningkatkan prestasi kerja masing-masing. Program tersebut dimulakan dengan aktiviti senam aerobik yang diketuai oleh Encik Mohd Zulfadhlee.

Seramai lebih kurang 40 orang kakitangan akademik dan sokongan SPU yang menyertai gotong royong pada hari itu. Kehadiran Prof Dr Osman Ali, Dekan Sekolah Perubatan memeriahkan lagi gotong royong tersebut. Kerja-kerja gotong royong dipusatkan pada kawasan Pejabat Am SPU, Pejabat Dekan, Makmal Komputer, pejabat Am Aras 2 dan Bilik Mesyuarat Dekan. Segala peralatan seperti penyapu, penyodok sampah, bakul sampah dan plastik hitam telah disediakan oleh pihak sekolah.

Sambutan gotong royong di Sekolah Perubatan amatlah membanggakan dan diharap ramai lagi penyertaan kakitangan SPU pada masa yang akan datang. Pihak sekolah merakamkan berbilang-banyak terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung bagi menjayakan aktiviti gotong royong perdana tersebut.

